


Pengalaman sumber hasilkan novel

Laila Kamilia atau nama sebenarnya Haslina Kamaluddin dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada 4 Mac 1977. Anak sulung daripada empat adik-beradik mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam, Teluk Intan dan melanjutkan pengajian di peringkat tinggi di Kolej Yayasan Pelajaran Mara, Kota Bharu, Kelantan bagi mengikuti Kursus Matrikulasi Universiti Putra Malaysia (UPM) selama setahun setengah sebelum meneruskannya ke kampus UPM, Serdang.



Lakaran Kasih diterbitkan Alaf 21, diikuti Saat Kau Hadir pada 2008. Beliau menyepikan diri seketika kerana mengikuti suami di Berlin, Jerman selama setahun setengah.

Namun penyepian itu diisi dengan pengalaman indah itu diabadikan dalam novelnya. *Cinta Pandang ke-2* adalah comeback Laila Kamilia ke pentas dunia penulisan yang terbit pada Julai 2011.



Cinta Pandang ke-2
Halaman: 576
Harga: RM 22.00

"Dahlah gemuk macam gajah, garang pulak macam singal! Patut tak payah pergi sekolah, duduk saja dalam hutan!" Zairul Hasmat memang meluat dengan Ainnur Azleen. Walaupun mereka berdua sekelas, tetapi tidak pernah sebulu. Ada saja sikap Ainnur yang menjengkelkan hatinya.

Di sekolah, Zairul *prince charming* sedangkan Ainnur si *Ugly Betty*. Beza mereka macam langit dengan bumi! Disebabkan badan saiz XXL, Ainnur hanya mampu memuja Zairul dalam diam. Zairul pula memang seronok menyakat. Tidak sudah-sudah mengejek Ainnur menyebabkan Ainnur berasa hati lalu nekad bertukar sekolah.

Setelah bertahun lamanya masa berlalu... Ainnur bertemu semula dengan Zairul di dalam sebuah syarikat. Dia menjadi ketua di bahagian itu manakala Zairul hanyalah sebagai budak penghantar surat.

Zairul tidak tahu bahawa gadis cantik yang menjadi bosnya itu adalah Ainnur Azleen yang pernah dikutuk dan dicaci suatu waktu dulu. Pertama kali berjumpa, dia terus jatuh cinta! Sanggup berkorban jiwa dan raga.